

## Suatu Penerokaan Awal Mengenai Pendekatan Tasawuf Terhadap Agama-Agama Lain

### *A Preliminary Exploration of the Sufi Approach to Other Religions*

YUSRI MOHAMAD RAMLI\* & MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*There would be no doubt that the Sufis is the only Muslim group within and without that firmly and constantly expound their conception on religious pluralism. Hence, it is not surprised to see many of their extravagant stanzas oftenly quoted by current preachers of love to bridge connection between religions. Moreover, their way of approaching to other religions is eccentricly emphatic and inclusive. This article attempts to analyse selected anecdotes, utterances, and stanzas of the Sufis related to religion and its plurality in order to grasp the general ideas of their approach to other religions. This study found that their extreme tolerance of the others does not impede them from being consistent with Islam. Furthermore, it is regarded as the uttermost paths to grasp and realise the oneness of God. Apart from being a brief presentation for my doctoral research, this piece of preliminary investigation aimed to better comprehend the Sufi conception of religious pluralism and their attitude towards the others.*

*Keywords: interfaith relations, religious pluralism, Sufism, unity of religions, wahdat al-adyan*

Sejarah mencatatkan bahawa umat Islam telah mewujudkan perhubungan secara langsung dengan agama-agama lain sejak awal perkembangannya bahkan lebih tepat lagi sebelum penyebarannya lagi oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) (571-632M). Ini termasuk beberapa interaksi penting Rasulullah (s.a.w.) antaranya dengan rahib dan pendeta Kristian bernama Bahira yang berpesan kepada para ahli rombongan dagang yang diikuti oleh Abu Talib (539-619M) dan Rasulullah (s.a.w.) supaya betul-betul menjaga Baginda (s.a.w.) dari sebarang bahaya (Ibn Hisham 1997, Vol. 1: 217-220). Pertemuan lain adalah dengan sepupu isteri Rasulullah (s.a.w.), seorang pendeta Kristian, iaitu Waraqah bin Nawfal. Beliau memberikan pengesahan terhadap apa yang telah dilalui oleh Nabi (s.a.w.) tentang kedatangan Malaikat Jibril (a.s.) semasa Baginda (s.a.w.) sedang beribadat di Gua Hira' di Bukit al-Nur dan mewahyukan beberapa ayat daripada al-Quran. Beliau menjelaskan bahawa kedatangan Malaikat Jibril (a.s.) tersebut memberi suatu petanda bahawa Baginda (s.a.w.) adalah utusan Allah kepada umat zaman ini (Ibn Hisham 1997, Vol. 1: 274-275). Perhubungan seterusnya juga turut merakam sejarah yang penting dalam perkembangan Islam seumpama penghijrahan umat Islam ke negara Kristian Aksum di Habsyah pimpinan Ashama ibn Abjar al-Najashi (w. 630M) kerana tekanan dan penindasan yang dilakukan oleh kaum Musyrikin di Mekah (Ibn Hisham 1997, Vol. 1: 354-407) dan persepakatan dan

<sup>1</sup> **Yusri Mohamad Ramli\*** (*corresponding author*), M.A., doctoral candidate at Institute of the Malay World and Civilization and lecturer at Centre for Aqidah and Global Peace, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: yusri\_mr@ukm.edu.my; **Mohd Syukri Yeoh Abdullah**, Ph.D., senior research fellow at Institute of the Malay World and Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: syukri@ukm.edu.my.

permuafakatan pelbagai agama dan bangsa dalam pembentukan Sahifah Madinah (Ibn Hisham 1997, Vol. 2: 115-118).

Sunnah Rasulullah (s.a.w.) ini turut diikuti oleh para Khulafa al-Rashidin yang memimpin umat Islam kemudian serta tokoh-tokoh Islam yang lain. Antara kisah yang termasyhur adalah semasa pembukaan kota Palestin yang mana Sayyidina Umar (r.a.) (577-644M) mengiktiraf hak penduduk Kristian untuk beragama dan memiliki gereja yang sedia milik mereka (al-Tabari 2001; Arnold 2005). Begitu juga dengan sifat ikhlas, jujur dan bersahabat yang ditonjol oleh Salah al-Din al-Ayyubi (1138-1193M) dalam seluruh episod Peperangan Salib yang direkod oleh sejarawan Muslim (al-Isfahani 2004; Ibn Shaddad 1964) serta diakui sejarawan Barat sendiri (Gibb 1973). Apa yang ditunjuk oleh Rasulullah (s.a.w.) dan tokoh-tokoh Islam selepasnya mengenai hubungan dengan umat pelbagai agama adalah suatu yang selari dengan firman Allah (s.w.t.) yang disebut dalam al-Quran (al-Mumtahanah 60:7-9):

عَسَى اللَّهُ أَنْ يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُمْ مِنْهُمْ مَوْدَّةً ۗ وَاللَّهُ قَدِيرٌ ۗ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٧﴾ لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوهُمْ ۗ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

Mudah-mudahan Allah menimbulkan kasih sayang antaramu dengan orang-orang yang kamu musuhi di antara mereka. Dan Allah adalah Maha Kuasa. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Dan barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Bahkan Rasulullah (s.a.w.) sendiri banyak memberi peringatan mengenai kepentingan menjaga hubungan kemanusiaan dengan umat bukan Muslim. Antaranya pesanan Baginda (s.a.w.) dalam satu hadith riwayat al-Bukhari (*Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Jana'iz, Bab Man Qama li Janazah Yahudi: No. 1312) yang berbunyi:

فَقَالَا: إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّتْ بِهِ جِنَازَةٌ فَقَامَ، فَقِيلَ لَهُ: إِنَّهَا جِنَازَةٌ يَهُودِيٍّ، فَقَالَ: أَلَيْسَتْ نَفْسًا.

Mereka berdua (Sahl bin Hunayf dan Qays bin Sa'd) berkata: Sesungguhnya telah lalu di hadapan Nabi (s.a.w.) satu jenazah, lalu Baginda (s.a.w.) bangun (untuk menghormati). Lalu diberitahu kepada Baginda (dengan maksud mempersoal tindakannya itu): "Itu jenazah seorang Yahudi". Baginda (s.a.w.) bersabda: "Bukankah ia juga nyawa?".

Rumusannya, tuntutan al-Quran dan al-Sunnah serta apa yang ditunjukkan oleh para pemimpin dan salaf al-salih adalah jelas memberi gambaran bahawa berpandangan baik dan bersikap santun dengan penganut agama lain adalah sebahagian daripada dengan ajaran Islam.

Dalam memperhalusi hal ini, didapati bahawa kelompok pemuka-pemuka Tasawuf merupakan suatu kumpulan yang istimewa dan menonjol dalam mencitrakan pandangan dan sikap secara teguh mengenai kepelbagaian agama. Bahkan, tidak dapat diragukan lagi bahawa satu-satunya golongan ilmuwan Muslim yang meneliti secara mendalam mengenai agama dan hakikat keberagaman adalah tidak lain dan tidak bukan hanyalah para Sufi. Malah adalah sukar untuk menafikan kenyataan bahawa para Sufi adalah satu-satunya kelompok dalam kalangan Muslim yang paling berkembang dan istiqamah dalam menonjolkan pandangan dan sikap yang positif dalam berinteraksi dengan agama-agama lain. Walaupun tidak menafikan sumbangan besar tokoh-tokoh bidang keilmuan lain, namun para *Sufi* mempunyai pendekatan yang tersendiri dan unik bahkan bersifat melangkaui batasan lahiriah yang konvensional. Ini kerana para *Sufi* juga melihat agama dalam kerangka falsafah dan spiritual yang memberi jawapan kepada persoalan-persoalan berhubung kait hubungan metafizikal dan fizikal antara agama. Bahkan pendekatan Tasawwuf adalah paling inklusif berbanding pendekatan teologikal yang agak eksklusif. Gagasan dan pendekatan yang dibawa oleh tokoh-tokoh Tasawwuf dilihat mempunyai suatu keunikan yang tersendiri yang wajar dan penting untuk diteliti dan difahami dalam kerangka untuk memahami kewujudan kepelbagaian agama dan juga bermuamalah dengannya. Tulisan ini, yang merupakan sebahagian hasil penyelidikan peringkat kedoktoran, mencermati pandangan dan sikap yang ditonjolkan oleh para Sufi merangkumi pelbagai kisah dan ungkapan yang tercatat dalam pelbagai karya bagi mempotretkan citra umum pendekatan Tasawuf terhadap agama-agama lain.

### **Pendekatan Para Sufi terhadap Agama-Agama Lain**

Pendekatan para Sufi terhadap agama-agama lain tergambar dalam tulisan, kata-kata dan kisah para Sufi yang dirakam dalam pelbagai catatan yang menggambarkan pandangan dan sikap mereka. Antaranya kisah yang memaparkan pertembungan mereka dengan penganut agama-agama lain adalah cerita yang diriwayatkan oleh Abu Nu'aym al-Isfahani (948-1038M) (1996, Vol. 2: 365) mengenai seorang tokoh besar Tasawwuf, Malik bin Dinar (w. 744M) yang dilaporkan berkata:

Aku melihat seorang rahib sedang duduk di atas bukit. Aku berkata kepadanya: "Wahai rahib! Nasihatilah aku sesuatu yang menjadikan aku seorang yang zuhud dengannya di dunia ini. Beliau menjawab: "Bukankah kamu mempunyai al-Quran dan Furqan (kamu sendiri)?" Aku menjawab: "Ya, tetapi aku suka mahu kamu mengajar aku sesuatu yang datang dari pengalaman kamu supaya aku dapat menjadi zuhud dengannya di dunia ini". Beliau menjawab: "Jika kamu mampu meletakkan tirai besi antara diri kamu dengan syahwat kamu, maka lakukanlah".

Kisah lain yang turut dicatat adalah mengenai Muhammad ibn Ya'qub, sahabat kepada al-Imam Harith ibn Asad al-Muhasibi (781-857M) (Abu Nu'aym 1996, Vol. 10: 288-298):

Setelah meninggalkan Dimashq, aku telah pergi ke kawasan gurun. Tiba-tiba aku mendapati diriku sesat dalam kawasan gurun yang sunyi dan liar sehingga aku hampir-hampir nak mati. Ketika itu, aku terlihat dua orang rahib datang melalui berdekatan. Aku beranggapan bahawa mereka datang dari kawasan pekan berdekatan untuk kembali ke biara mereka yang pastinya tidak jauh dari situ. Aku mendekati mereka sambil berkata: "Ke mana kamu pergi?". Mereka menjawab: Kami tidak tahu!". (Aku bertanya lagi:) "Adakah kamu tahu di mana kamu (dan kita) berada sekarang?". (Mereka menjawab:) "Ya, kami berada dalam kekuasaan-Nya, kerajaan-Nya dan kehadiran-Nya!". Mendengar jawapan ini, aku mengherdik

ego nafsuku dengan berkata kepada diriku: "Mereka berdua (yang bukan Muslim) telah mencapai tawakal sedangkan kamu sendiri (yang Muslim) tidak".

Kedua-dua kisah ini memperlihatkan bagaimana sikap bersedianya para Sufi untuk menerima pengajaran dan teguran daripada bukan Muslim walaupun mengenai hal kerohanian. Begitu juga pandangan para Sufi yang melihat secara objektif bahawa kebaikan atau kebenaran boleh wujud di mana-mana dan pada siapa-siapa.

Demikian juga sikap dakwah berhikmah yang ditonjolkan oleh Sultan al-<sup>c</sup>Arifin Abu Yazid al-Bistami dan Shaykh Abu Sa<sup>c</sup>id Abu al-Khayr dengan mengutamakan dakwah dengan teladan (*bi al-hal*) serta dengan tiada paksaan (*ikrah*). Abu Yazid al-Bistami (w. 874M) diriwayatkan oleh Farid al-Din <sup>c</sup>Attar (w. 607H) (n.d.a: 195) mempunyai seorang jiran musyrik (bukan Muslim) yang tinggal dengan anaknya. Pada beberapa hari, anaknya itu sering menangis pada waktu malam lantaran tiada lampu yang menerangi rumah mereka. Lalu Abu Yazid membawa lampu dari rumahnya ke rumah jirannya itu untuk diberikan kepada mereka sehingga kemudian berhentilah anaknya daripada menangis. Maka berkata jirannya itu: "*Bagaimana kami dapat kekal dalam kegelapan sedangkan Abu Yazid telah datang membawa cahaya*". Beliau dan anaknya serta seluruh ahli keluarganya kemudian beriman dan memeluk Islam dengan keberkatan Abu Yazid. <sup>c</sup>Attar (n.d.a: 196) juga meriwayatkan bahawa pada zaman Abu Yazid terdapat seorang musyrik ditanya oleh seseorang: "*Kenapa kamu tidak beriman?*". Lalu jawabnya: "*Bagaimana aku nak beriman. Aku tidak mampu beriman seumpama iman dan amal Abu Yazid, dan dalam masa yang sama aku tidak redha dengan iman dan amal kamu (yang tidak seperti Abu Yazid)*".

Abu Sa<sup>c</sup>id Abu al-Khayr (967-1049M) pula dicatatkan oleh cicitnya, Muhammad bin al-Munawwar memberikan satu teladan penting supaya tidak memaksa dalam berdakwah dengan penganut agama lain:

Diriwayatkan bahawa pada satu hari, Shaykh Abu Sa<sup>c</sup>id pada satu hari di Nishapur bergerak dengan menaiki kuda sehingga tiba di gereja. Hari tersebut ialah hari Ahad dan para penganut kristian sedang berkumpul di dalam gereja. Maka para muridnya berkata: "Wahai Shaykh! Marilah kita melihat mereka". Maka Shaykh pun turun daripada kudanya. Apabila mereka masuk ke dalam gereja, maka para penganut Kristian pergi melayaninya serta menghormatinya dan duduk dihadapannya sebagai tanda penghormatan dan kemuliaan. Dalam kalangan murid yang mengikuti Shaykh, terdapat beberapa qari al-Qur'an. Maka seorang Kristian berkata: "Bolehkah Tuan Shaykh membenarkan mereka membacakan ayat-ayat al-Qur'an. Maka Shaykh berkata: "Baiklah". Maka qari-qari tersebut membacakan beberapa ayat, sehingga para penganut Kristian merasa tersentuh dan takjub sehingga berlinang air mata. Kemudiannya Shaykh bangun lalu keluar. Maka salah seorang muridnya berkata: "Jika Shaykh menyuruh mereka masuk Islam, maka mereka semua akan membuka tali pinggang mereka kesemuanya (sebagai tanda masuk Islam)". Maka berkata Shaykh: "Sesungguhnya bukan aku yang memakaikan tali pinggang mereka itu dan bukan aku yang membukanya" (Muhammad bin al-Munawwar 2007: 240).

Abu al-Mughith al-Husayn bin Mansur al-Hallaj (858M-922M) tokoh Sufi yang paling diingati melalui penyalibannya dan menjadi ikon kepada tokoh-tokoh *Sufi* terkemudian senasib dengannya banyak menitip kata-kata berkenaan agama-agama. Bahkan, beliau dapat dikatakan sebagai yang pertama mengutarakan pernyataan secara konseptual mengenai gagasan pemikiran para Sufi mengenai agama-agama. Antaranya yang paling masyhur:

الْكُفْرُ وَالْإِيمَانُ يُفْتَرِقَانِ مِنْ حَيْثُ الْإِسْمِ، وَأَمَّا مِنْ حَيْثُ الْحَقِيقَةِ فَلَا فَرْقَ بَيْنَهُمَا.

Iman dan kufur hanya berbeza pada nama, adapun pada hakikatnya tidak ada perbezaan antara kedua-duanya (Massignon & Kraus 1936: 53).

Dalam satu kisah yang diriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin Tahir al-Azdi bahawa beliau berkata:

Aku telah bertelagah dengan seorang Yahudi di pasar Baghdad sehingga aku mengatakan padanya: "Wahai anjing!" Maka lalu al-Husayn bin Mansur dan menjeling kepadaku dan berkata: "Jangan kamu menyalak kepada anjing kamu!" dan ia kemudiannya segera beredar daripadaku. Beberapa waktu kemudiannya setelah reda pertelegahanku itu, aku pergi bertemu dengan al-Husayn dan masuk ke rumahnya. Pada mulanya beliau enggan untuk bertemu denganku, namun setelah aku meminta maaf, maka ia membenarkannya. Beliau kemudiannya berkata: "Wahai anakku, semua agama adalah milik Allah ‘Azza Wajjala. Kelompok penganut agama beragama dengan agama mereka pada hakikatnya bukan dengan pilihan mereka, tetapi dipilih ke atas mereka. Barangsiapa mencerca seseorang membatalkan agama yang telah ditentukan ke atasnya, maka ia seolah-olah menghukumkan bahawa ia memilih sendiri agamanya, dan kepercayaan sebegini adalah pegangan mazhab al-Qadariyah, sedangkan "*al-Qadariyah adalah Majusi bagi umat (Islam) ini*". Dan ketahuilah bahawa agama Yahudi, Kristian, Islam dan agama-agama lain hanyalah panggilan dan nama yang berbeza sahaja, sedangkan maksud daripadanya tidak berbeza". Beliau kemudiannya menitipkan:

تَفَكَّرْتُ فِي الْأَدْيَانِ جِدًّا مُحَقَّقًا	فَأَلْقَيْتُهَا أَصْلًا لَهُ شَعْبٌ جَمًّا
فَلَا تَطْلُبَنَّ لِلْمَرْءِ دِينًا فَإِنَّهُ	يُصَدُّ عَنِ الْوَصْلِ الْوَثِيقِ وَإِنَّمَا
يُطَالِيهِ أَصْلٌ يُعْبَرُ عِنْدَهُ	جَمِيعَ الْمَعَالِي وَالْمَعَانِي فَيَفْهَمَا

Aku telah memikirkan tentang agama-agama dengan bersungguh-sungguh dan mendalam, maka aku runtkaikan bahawa agama-agama mempunyai satu asal yang mempunyai cabang-cabang yang banyak. Oleh itu, kamu tidak sepatutnya menyeru seseorang (dengan memaksanya untuk menganut) mana-mana agama, (kerana) maka sesungguhnya ia akan terkekang dari mencapai ikatan (akidah) yang kukuh. Dan sesungguhnya, (hendaklah) menyerunya (kepada) yang asal (dengan) menjelaskan kepadanya seluruh kemuliaan dan makna, nescaya ia akan memahaminya (Massignon & Kraus 1936: 69-70).

Adalah jelas bahawa gesaan al-Hallaj tidak menafikan ketinggian Islam dan beliau menerangkan bagaimana kegelinciran agama-agama lain daripada landasan yang asal perlu difahami dengan betul dan disampaikan dengan cara yang betul supaya dapat mengembalikan mereka kepada landasan tersebut. Sikap bermusuhan dan keras hanya akan menyesatkan lagi mereka daripada jalan yang benar. Manakala, tokoh penyair Parsi terkenal, Hakim Sana'i Ghaznavi (1131-1141M) ada mengungkapkan beberapa bait mengenai iman dan kufur dalam karyanya *Hadiqat al-Haqiqah*, antaranya:

وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ كَوَيَان

كُفْرٌ وَدِينٌ هَر دُو دَر رَهْت پُوِيَان

"Kufur dan Iman kedua-duanya berjalan di atas jalanMu (Wahai Tuhan). Dia lah Yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya" (Sana'i Ghaznavi n.d.: 23; Stephenson 1910: 2).

Juga katanya: "Dia (Tuhan) adalah sepenuhnya secara sendiri bebas daripada aku dan kamu dalam rancangannya. Apakah pentingnya kekufuran dan keimanan pada kesendirian-Nya? Apakah pentingnya itu dan ini dengan Kesempurnaan-Nya? Ketahuilah bahawa Tuhan Wujud dengan sebenar-benar Kewujudan!" (Sana'i Ghaznavi n.d.: 39; Stephenson 1910: 40). Beliau turut mengungkapkan: "Engkau adalah Engkau, darimu muncul kasih dan benci, Engkau adalah Engkau, darimu muncul kekufuran dan keimanan" (Sana'i Ghaznavi n.d.: 40; Stephenson 1910: 43). Jika diteliti dengan mendalam, kesemua kenyataan Sana'i ini mengarah kepada maksud mentawhidkan Tuhan. Ini juga selaras dengan kedudukan rangkap-rangkap tersebut yang dimuatkan dalam bab pertama karyanya itu yang membahaskan mengenai tawhid. Hal yang sama juga dapat dilihat dalam perkataannya: "Apakah penting, di pintu-Nya, seorang Muslim atau Majusi? Apakah penting, di hadapan-Nya, kuil api atau biara rahib? Majusi dan Kristian, yang berbudi dan yang bersalah, semuanya adalah pencari, dan Dia (Tuhan) adalah yang dicari" (Sana'i Ghaznavi n.d.: 40; Stephenson 1910: 44). Sana'i menegaskan bahawa kesemua dualisme dalam alam termasuk kepercayaan agama adalah ditentukan oleh Tuhan:

Semua yang didatangkan ke dunia ini adalah atas perintah-Nya, dan apa yang diperkatakan oleh nabi adalah juga daripada perintah-Nya; kekufuran dan keimanan, baik dan buruk, lama dan baharu, kesemuanya tertakluk kepada-Nya; apa sahaja yang wujud adalah di bawah perintah Tuhan Yang Maha Kuasa; kesemuanya bergerak menurut perintah-Nya (Sana'i Ghaznavi n.d.: 84; Stephenson 1910: 138-139).

Walaupun unsur kesatuan ditekankan dalam agama, Sana'i juga memberi perhatian terhadap kepelbagaiannya dengan menjelaskan bagaimana manusia boleh menyeleweng dalam memahami Tuhan dengan memberi contoh kepercayaan dwituhan dalam agama Majusi: "Kemurkaan-Nya dan kebaikan-Nya yang muncul dalam dunia yang baharu adalah punca kesalahan golongan Gabr dan keraguan golongan Majusi" (Sana'i Ghaznavi n.d.: 44; Stephenson 1910: 55). Beliau turut memberikan gambaran lebih luas penyelewengan manusia dalam beragama dengan melihatnya sebagai akibat daripada tidak mengikut ajaran para Nabi dan mengikut pendusta yang jahil (a.s.):

Para Nabi (a.s.) adalah yang paling benar dalam kepercayaan, yang telah menunjukkan kepada manusia jalan kebenaran; sedangkan pandangan akal manusia sendiri sentiasa meliar bilamana para nabi telah pergi dalam keadaan mereka yang musnah umpama kehilangan sinar matahari. Kegelapan malam kesyirikan melabuhkan tirainya; kekufuran meletakkan ciuman pada bibir keberhalaan, seseorang membawa salib di tangannya seolah-olah setangkai bunga mawar, yang lain seumpama bunga teratai menyembah matahari; seseorang menyembah berhala secara berterusan, dan yang lain tidak ada apa-apa tujuan; yang ini dalam kebodohnya yang teramat mengambil kejahatan daripada syaitan dan kebaikan daripada Tuhan; sebahagiannya adalah penabur pasir, pemakan api, yang lainnya pengocak air, pengaman angin; di sini seseorang membuang kewarasan daripada akalnya seumpama orang yang meminum arak, di sana yang lainnya menghentak serban daripada kepalanya seumpama ditiup

angin ribut; yang ini memanggil patung sebagai tuhannya, dan yang itu seumpama sami kuil berhala yang menghancurkan semua agama; seseorang mengamalkan sihir, yang lainnya tilik nasib, seseorang hidup dalam harapan, yang lain dalam ketakutan; kesemua kepercayaan ini membawa kepada hidup yang tidak baik, kesemuanya buta daripada kefahaman (Sana'i Ghaznavi n.d.: 94; Stephenson 1910: 163-164).

Seorang lagi tokoh Sufi Parsi, Farid al-Din 'Attar (1145-1221M) juga ada mengungkapkan dalam *Diwannya* mengenai hakikat sebenar kepelbagaian agama dalam perjalanan menuju kepada Tuhan:

Aku lihat cinta mengatasi keimanan atau kekufuran, aku melihatnya (cinta) tidak mengandungi tanda keraguan atau keyakinan. Ketidakpercayaan, kepastian, keraguan dan agama, aku melihatnya berkumpul dalam kehadiran akal. Sementara aku telah melepasi akal dengan 100 jajahan, aku boleh katakan aku telah mengenali kekufuran dan keimanan. Semua halangan sepanjang perjalanan sebenarnya dibuat sendiri (oleh manusia), aku dapatnya sama seperti tembok kota Iskandar ('Attar n.d. b; FANSURI & Alizadeh 2007: 162-163).

Shaykh al-Akbar Muhy al-Din Ibn 'Arabi (1162-1240M) dilihat menjadi ikon kepada pendekatan Sufi ini dan sering dikutip pelbagai penyataannya. Bait-bait syair berikut daripada *Tarjuman al-Ashwaq* adalah antara ungkapan yang sering dipetik dalam banyak tulisan kemudiannya mengenai pandangan Sufi terhadap agama lain (Nicholson 1911: iii; Schimmel 1982: 38-39):

فَمَرَعَى لِعِزْلَانٍ وَدَبِيرٍ لِرُهْبَانٍ	لَقَدْ صَارَ قَلْبِي قَابِلًا كُلِّ صُورَةٍ
وَالْوَاخِ تَوَارَاتٍ وَمَصْحَفٍ قُرْءَانٍ	وَوَيْتٍ لِأَوْثَانٍ وَكَعْبَةٍ طَائِفٍ
رَكَائِبُهُ فَالْحُبُّ دِينِي وَإِيمَانِي	أَدِينُ بِدِينِ الْحُبِّ أَتَى تَوَجَّهَتْ

Sesungguhnya hatiku telah mampu menerima apa jua rupa bentuk, sama ada ia adalah padang ragut kijang-kijang dan biara rahib-rahib Kristian, rumah berhala-berhala dan Ka'bah para pentawaf, lembaran-lembaran Taurat dan Mashaf al-Quran, aku beragama dengan agama cinta, ke mana sahaja cinta membawaku aku mengikutinya, maka cinta adalah agamaku dan kepercayaanku (Ibn 'Arabi 2005: 62; Nicholson 1911: 19, 69).

Di samping itu, Ibn 'Arabi turut menjelaskan fenomena bagaimana masyarakat cenderung untuk tidak bertoleransi dengan penganut agama lain dengan katanya:

Dan rumusannya, maka semestinya setiap orang dalam berakidah pada Tuhannya akan kembali dengan akidah tersebut kepada dirinya dan menuntut dirinya pada akidah tersebut. Jika ternampak baginya kebenaran padanya maka ia mengakuinya, jika ternampak baginya kebenaran pada selainnya, maka ia ingkarnya pula, dan berlindung diri daripadanya, serta beradab buruk ke atasnya dalam perkara itu, sedangkan dalam dirinya beranggapan bahawa dia telah beradab baik kepadanya. Maka tidaklah seseorang yang beriktikad tentang Tuhan melainkan ia adalah apa yang diciptakan dalam dirinya sendiri. Justeru 'tuhan dalam kepercayaan' yang dicipta oleh manusia, tidaklah mereka lihat kecuali diri mereka sendiri dan apa yang mereka ciptakan padanya. Maka ingatlah bahawa

martabat manusia dalam ilmu mengenal Allah Ta'ala adalah asas dalam martabat mereka dalam menyaksikan Allah pada Hari Kiamat. Aku telah jelaskan sebagaimana terdahulu tentang sebab yang mewajibkan sedemikian. Maka janganlah terikat dengan sesuatu kepercayaan dan mengkafirkan selainnya sehingga hilang bagimu kebaikan yang banyak dan ilmu pengetahuan tentangnya (Ibn `Arabi 2016: 113).

Demikian juga kenyataannya lagi:

Tiadalah daripada amalannya melainkan ia kembali kepadanya, maka ia tidak memuji melainkan ke atas dirinya sendiri. Maka sesungguhnya barangsiapa yang memuji ciptaan, maka ia sebenarnya memuji penciptanya tanpa syak lagi. Sama ada ciptaan itu elok atau pun tidak, ia kembali kepada penciptanya. Dan 'tuhan dalam kepercayaan' manusia diciptakan oleh orang yang menanggapinya, yakni adalah ciptaannya. Justeru pujiannya terhadap ciptaannya ialah pujian terhadap dirinya sendiri. Oleh kerana itu, ia menghentam kepercayaan orang lain. Jika ia benar-benar menyedari akan hal ini, maka ia tidak akan berlaku sedemikian. Namun, pemilik sembahsan yang khusus ini adalah orang yang jahil tanpa syak lagi dalam hal ini kerana penentangannya terhadap orang lain dalam kepercayaannya pada Allah (Ibn `Arabi 2016: 226).

Gesaan berbuat baik dan bertasamuh dengan penganut agama lain bukanlah bermaksud merendahkan ketinggian Islam. Bahkan Ibn `Arabi menegaskan bahawa Islam tetap tinggi berbanding agama-agama Islam dengan katanya:

Inilah kedudukan Nabi Muhammad (s.a.w.) dan kedudukan syariat yang dibawanya berbanding dengan para Nabi (a.s.) sebelumnya dan syariat-syariat mereka. Maka sesungguhnya cahaya bintang-bintang tenggelam dalam cahaya matahari, maka siang bagi kita (umat Islam) dan hanya malam sahaja bagi pengikut syariat terdahulu (Ibn `Arabi 1999, Vol. 1: 222-223).

Senada dengan itu, penyair Parsi terkenal, Shaykh Sa'adi Shirazi (1184-1281M) ada menyebutkan dalam *Bustannya*: ". . . Tetapi Tuhan kepada yang tinggi dan yang rendah, tidak pernah menutup pintu rezeki kepada manusia kerana dosanya. Pada hamparan bumi ini dikurniakan makanan, yang dimakan oleh orang yang dikasihinya (yang beriman) dan yang berdosa kepadanya (yang kufur) (Robinson 1876: 50; Clarke 1879: 2; Davie 1882: 2; Edwards 1911: 19; Hindawi 1953: 44-45; Yousofi 1981: 1; Wickens 1985: 1). Walaupun ada banyak persamaan antara Islam dan agama-agama lain, Sa'adi juga sebagaimana yang lainnya menekankan bahawa perlunya mengikut agama yang benar dengan katanya:

Jangan kamu tundukkan kepala ke rumput seperti binatang ternak, tetapi dengan bentuk hati yang memikat kepunyaanmu. Jangan terpesona, tetapi jalanilah jalan kehidupan yang baik. Jalan yang lurus menegak adalah diperlukan, bukan kedudukan yang tinggi menegak. Kerana bagi orang kafir juga, dalam rupa zahir, adalah sama seperti kita (orang Islam) (Clarke 1879: 348; Davie 1882: 251; Yousofi 1981: 175; Wickens 1985: 167, 204).

Mawlana Jalal al-Din Rumi (1207-1273M) juga banyak menuturkan mengenai kepelbagaian agama dan sering dikutip kata-katanya di samping Ibn `Arabi. Antara bait-bait syair beliau yang menggambarkan hal ini ialah sebagaimana termuat dalam *Divan Shams Tabrizi*:

چه تدبیر ای مُسَلَّمَانَانِ که من خُودرا نمیدانم،  
نه ترسا نه یهودم من نه کبرم نه مُسَلَّمَانِم.

Apa yang dapat dilakukan wahai orang-orang Islam, kerana aku tidak mengenali diriku. Aku bukanlah seorang Kristian, bukan Yahudi, bukan Majusi, bukan Muslim (Nicholson 1898: 124-125).

Penyataan di atas adalah sebahagian ekspresi pentawhidan kepada Tuhan sebagaimana yang dijelaskan dalam bait-bait sebelum dan selepasnya (Nicholson 1898: 120-123; 126-131). Sebagaimana Ibn `Arabi, Rumi juga menyatakan dengan jelas dalam *Mathnavi-i-Ma'navi* bahawa umat Islam perlu menerima kekufuran orang lain dalam maksud ia sebagai ketentuan Allah, bukannya menerima perilaku orang lain yang kufur kepada Allah walaupun ia merupakan hakikat yang terhasil daripada kesan ketentuan Tuhan. Orang yang kufur kepada Tuhan adalah jahil, sedangkan orang yang reda dengan kekufuran sebagai ketentuan Tuhan adalah alim sebagaimana buruknya tulisan tidak membuktikan buruknya penulis (Whinfield 1898: 124-125; Nicholson 1930: Vol. 4, 76-77; Ibrahim al-Dusuqi Shata 1997: Vol. 3, 131-132). Rumi menjelaskan bagaimana manusia boleh menjadi kufur kepada Tuhan:

Sesungguhnya telah bercampur segala pujian seluruhnya, dan telah tertuang air dari cawan-cawan ke dalam kolam yang satu.

Ini kerana Yang Dipuji pada batasan dhatnya adalah Satu, dan agama-agama daripada sini juga hanyalah agama yang satu.

Maka ketahuilah bahawa setiap pujian ditujukan kepada cahaya al-Haq, ia menjadi tempang dalam pelbagai gambaran rupa dan diri.

Maka para pemuji dengan pujian mereka hanya memuji kepada yang berhak dipuji, tetapi orang-orang (penganut agama) lain telah tersesat dengan sangkaan mereka.

Seperti cahaya yang terpantul pada dinding, dan dinding tersebut seolah-olah ikatan cahaya tersebut.

Atau seperti pantulan bulan pada perigi, maka orang yang tersesat akan menundukkan kepalanya ke perigi dan mula memujinya.

Maka semestinya bahawasanya dia bila mana hilangnya bayangan tersebut maka ia akan segera menghadap kepada asal cahaya tersebut, maka sesungguhnya orang yang sesat itu tidak menemui bulan itu dan tidak mampu memuji.

Sedangkan pada hakikatnya ia dulunya memuji bulan tersebut, oleh kerana kejahilannya ia menghadap perhatiannya kepada gambarannya.

Maka pujian menghadap itu adalah kepada bulan, bukan kepada gambarannya, maka jadilah kekufurannya dengannya kerana kesilapannya dalam memahami asal pekara ini.

Maka telah sesat orang yang berani daripada kesempitan, sesungguhnya bulan itu tinggi namun ia menyangka ia rendah.

Maka makhluk telah menjadi celaru daripada sebab berhala-berhala tersebut, maka mereka mengikut syahwat mereka sehingga kemudiannya mereka menyesal (Whinfield 1898: 139; Nicholson 1930: Vol. 4, 118-119; Ibrahim al-Dusuqi Shata 1997: Vol. 3, 192).

Di samping itu Rumi juga dalam *Fihi Ma Fihi* mencatatkan perbincangan beliau dengan penganut Kristian tentang kepercayaan mereka (Arberry n.d.: 225-229; Thackston Jr. 1999: 130-132; al-Akub n.d.: 186-188).

Shaykh Mahmud Shabestari (1288-1340M) pula menyebutkan dalam *Gulshan-i-Raz*:

مُسْلِمَانِ كَرِ بَدَانَسْتِي كِ بَت چِيَسْتِ،  
بَدَانَسْتِي كِ دِيْنِ دَرِيْتِ پَرِسْتِي اسْتِ،  
وَكِرِ مُشْرِكِ زَبْتِ اَكَاها كَشْتِي،  
كَجَا دَرِ دِيْنِ خُوْدِ كَمْرَاهِ كَشْتِي.

Jika orang Islam mengetahui apa sebenarnya iman,  
Maka ia akan mengetahui bahawa iman ialah penyembahan berhala,  
Jika orang musyrik mengetahui apa sebenarnya berhala,  
Bagaimana ia boleh menjadi salah dengan agamanya  
(Shabestari n.d.: 55; Whinfield 1880: 84; Lederer 1920: 78-79).

Rangkap syair ini adalah sebahagian daripada syair mengenai hakikat agama-agama yang dibahaskan oleh Shabestari pada salah satu bab dalam *Gulshan-i-Raz* yang disusun dalam bentuk soal jawab (Shabestari n.d.: 55-60; Whinfield 1880: 83-93; Lederer 1920: 78-81). Dalam bab tersebut, Shabestari turut menegaskan bahawa Allah menjadikan segalanya dan segalanya adalah manifestasi daripada-Nya termasuk berhala. Justeru segala apa yang disembah oleh manusia dari sudut hakikatnya adalah dari Allah jua walaupun secara zahirnya adalah suatu kesyirikan (Shabestari n.d.: 55-56; Whinfield 1880: 83-85; Lederer 1920: 78-79). Namun, dalam bahagian yang lain beliau menegaskan bahawa Islam membawa ajaran tawhid yang sebenar yang berbeza dengan kesyirikan dalam agama-agama lain:

Apakah maknanya zuhud dan takwa? Apakah kemunafikan ini?  
Apakah maknanya shaykh dan murid? Apakah hubungan ini?  
Jika wajahmu masih terikat dengan besar dan kecil,  
maka sama sahaja berhala, tali pinggang bukan Muslim, dan orang Kristian  
dengan kamu (Shabestari n.d.: 54; Whinfield 1880: 83; Lederer 1920: 78).

Manakala penyair Parsi, Khawaja Shams al-Din Muhammad Hafiz Shirazi (1315-1390M) mengungkapkan dalam *Divannya* bahawa Islam dan agama-agama lain adalah sama sahaja dari sudut hakikatnya: "*Wahai zahid, berwaspadalah; janganlah merasa selamat dengan berbangga (dengan agama kamu), kerana laluan daripada rumah khalwah ke kuil Majusi adalah tiada apa-apa pun*" (Clarke 1891, Vol. 1: 196). Beliau juga menyebut: "*Antara ka'bah dan rumah berhala tidak ada perbezaan yang besar, mana-mana satupun kamu lihat, bagiNya sama sahaja*" (Clarke 1891, Vol. 1: 228). Penyataan-penyataan sebegini adalah jelas sebagai penzahiran supaya mengesakan dan membesarkan Allah berbanding makhluknya. Demikian juga perkataan Hafiz yang bermaksud: "*Apa jua kiblat (rumah ibadat) adalah lebih baik daripada sikap menyembah diri sendiri*" (Clarke 1891, Vol. 2: 839). Hafiz turut berkata: "*Kerinting rambutMu adalah jebak kepada kekufuran dan keimanan, hal ini adalah sangat kecil berbanding bertemu denganNya*" (Clarke 1891, Vol. 1: 224).

Hal yang sama dapat diperhatikan pada penyataan Putera Shah Jahan, Dara Shukoh (1615-1659M) dalam *Majma` al-Bahrayn*: "*Keimanan dan kekufuran, kedua-duanya bergerak menuju kepada-Nya, dan (kedua-duanya) mengakui: Dia adalah Esa dan tiada sekutu dalam Kekuasaan-Nya. Dia bermanifestasi dalam kesemuanya; dan kesemuanya beremanasi daripada-Nya. Dialah yang Pertama dan Terakhir; dan tiada yang wujud melainkan-Nya*" (Mahfuz-ul-Haq 1998: 37).

Shaykh Hamzah Fansuri, tokoh Sufi legenda Alam Melayu juga mengungkapkan bahawa kesemua agama dengan pelbagai tradisi yang berbeza pada hakikatnya adalah daripada Tuhan Yang Satu:

Rahman itulah yang bernama Wujud,  
Keadaan Tuhan yang sedia *Ma'bud*,  
Kenyataan Islam, Nasrani, Yahud,  
Dari Rahman itulah sekalian *mawjud* (Hamzah Fansuri n.d.b: MSS. Cod. Or. 2016: 32v;  
n.d.c: MSS. Cod. Or. 3372: 3v; n.d.d: MSS. Cod. Or. 3374: 25)

Daripada bait-bait tersebut, Hamzah Fansuri menekankan bahawa Allah adalah Yang Mewujudkan semua agama dan kewujudan agama-agama tersebut yang pelbagai adalah dengan rahmat-Nya. Oleh itu, asal usul dan matlamat semua agama pada hakikatnya adalah sama yakni daripada dan kepada Tuhan. Dalam membahas mengenai hal ini, Hamzah Fansuri mengaitkannya dengan Sifat *al-Rahman* (Pemurah) dan *al-Wujud* (Ada). Di samping itu, dengan Allah sendiri yang menjadikan semua agama, maka sudah tentunya Allah juga adalah Tuhan kepada semua penganut agama. Hamzah Fansuri menghuraikan hal ini dengan mengaitkannya dengan Sifat-sifat Allah yang menakluk sekalian makhluk baik Muslim atau kafir. Dalam erti kata lain, Allah adalah Tuhan sekalian makhluk tidak kira sama ada Muslim mahupun kafir. Hakikat ini diperjelas oleh Shaykh Hamzah Fansuri (n.d.a: MSS. Cod. Or. 2016; n.d.e: MSS. Cod. Or. 7291 (II)) dalam *Sharab al-<sup>c</sup>Ashiqin*, antaranya melalui sifat *al-Qarib* (Maha Hampir):

Kerana itu, maka kata *ahl al-suluk* (makna) hampir kepada (bagi) Allah Ta'ala (itu) (kepada) *Anbiya* dan *Awliya*, dan *Salihin* dan *Mushrikin*, dan *Kafirin* dan *Asiyyin* (adalah) sama pada kita Ia hampir. Kepada sekalian makhluk sama (Ia hampir). Tetapi (adalah) fardu hampir-Nya kepada *ahl al-ma'rifah* dan *abid* terlebih (hampir daripada yang lainnya), yakni barangsiapa bermakrifat dan banyak berbuat ibadat ia itu hampir hukumnya; barangsiapa tiada bermakrifat dan berbuat maksiat ia itu jauh, bukan hampir –jauh seperti tamsil (Utbah dan Shaybah) (yang telah disebutkan) dahulu itu. Kata ini musykil (rumit), (hanya) orang *ahl al-Kashf* juga mengetahui dia.

Dalam membahaskan sifat Kehampiran bagi Allah (s.w.t.), Hamzah Fansuri melalui kenyataan di atas menerangkan kerangkuman yang menyeluruh Hampir-Nya Allah dengan sekalian makhluk-Nya baik Muslim ataupun kafir. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa ada perbezaan dari sudut taraf atau tahap kehampiran tersebut dengan golongan anbiya dan awliya yang sudah tentu lebih hampir berbanding manusia yang lain dan demikian juga yang Muslim lebih hampir berbanding yang kafir.

Apa yang dapat dirumuskan ialah bahawa pendekatan para Sufi merupakan cerminan terhadap pemikiran mereka yang tulus dan jitu dalam hanya semata-mata mentawhidkan Allah (s.w.t.). Namun, adalah perlu diakui bahawa pernyataan-pernyataan mereka agak memeranjatkan dan menggemparkan bagi mereka yang pertama kali membaca perkataan-perkataan seumpamanya, apatah lagi yang baru berjinak dalam ilmu Tasawuf. Bukan hanya perkataan, bahkan pemikiran yang terkandung dalamnya juga adalah perkara yang sangat tinggi dan mendalam sehingga sukar difahami oleh kebanyakan orang. Oleh yang demikian, pemikiran para Sufi mengenai hal ini perlu difahami dengan kefahaman yang betul melalui penelitian dan pengkajian yang mendalam yang tidak hanya terhad melalui penerokaan tulisan, bahkan penerokaan kerohanian. Apa yang jelas, para Sufi tidak menyamakan Islam dan agama lain dengan bermaksud tidak ada apa-apa perbezaan langsung antaranya yang membawa kepada maksud kebenaran yang bersandar atau relatif. Namun, mereka menjelaskan bahawa terdapat

banyak persamaan dari sudut hakikatnya antara Islam dan agama-agama lain, walaupun terdapat perbezaan antaranya yang jelas menunjukkan ketinggian Islam berbanding selainnya.

Dari sudut penamaan, tokoh-tokoh Sufi tidak memberikan istilah tertentu bagi merujuk kepada pendekatan mereka ini. Ia sebaliknya adalah sebahagian daripada ekspresi pentawhidan kepada Allah. Namun, terma *wahdat al-adyan* atau 'kesatuan antara agama' sebagai istilah teknikal bagi merujuk kepada pendekatan para Sufi ini mula digunakan secara bertulis oleh al-Biqai (1980: 99-100, 111, 126, 240-242) dalam kritiknya terhadap pemikiran Ibn 'Arabi dan Ibn al-Farid. Ia kemudiannya menjadi nama yang masyhur bagi pendekatan ini dalam kalangan penyokong mahupun penentangannya walaupun hakikatnya para Sufi tidak pernah menamakannya (Surur 1969: 216-219; al-Shibi 1974; al-Wakil 1984: 93-98; 2010, Vol. 1: 338-350; Diwan 2009:72, 89-90).

Secara umumnya, pendekatan para Sufi terhadap agama-agama menumpu kepada idea bahawa kesemua agama yang wujud di dunia sama ada benar atau batil adalah dijadikan dan berasal dari sumber yang satu, iaitu Tuhan. Gagasan ini adalah sebahagian daripada pengesaan mereka kepada Allah dalam memahami dan merasai *tashbih* (*immanence*) dan *hudur-Nya* (*omnipresence*) dalam segala ciptaan-Nya setelah menyedari hakikat *tanzih* (*transcendence*) dan *tawhid* (*unity*) Tuhan. Justeru, Tuhan sudah pasti dan tentunya 'wujud' dan 'hadir' dalam semua agama kerana pada hakikatnya manusia secara tidak langsung dan secara ketentuan Ilahinya menganuti sesuatu agama yang telah ditakdirkan oleh-Nya.

Para Sufi melihat bahawa semua manusia pada hakikatnya menyembah Tuhan yang Esa yang bertajalli dalam pelbagai gambaran-gambaran manusia. Justeru tujuan ibadah yang hakiki adalah merealisasikan hakikat tawhid. Oleh yang demikian, kebatilan dalam ibadah berlaku apabila manusia merendahkan hakikat tawhid tersebut (Mahmud 1967: 516). Dalam erti kata lain, keesaan Tuhan adalah suatu konsep mutlak yang membawa maksud bahawa mana-mana agama pada realiti kemanusiaan samada bersifat mentawhidkan Tuhan (*monotheistic*) mahupun mensyirikkan Tuhan (*polytheistic*) hanyalah perkara-perkara yang bersifat logika akal manusia semata-mata dalam memahami atau tidak memahami Tuhan. Justeru kesemua tanggapan terhadap Tuhan dalam hakikat Ilahi akan membawa kepada Tuhan. Bilamana berlaku kesalahan dalam tanggapan tersebut, maka ia adalah suatu penyimpangan dalam memahaminya.

## References

*Al-Qur'an al-Karim*.

*Al Qur'an dan Terjemahannya*. 1998. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li al-Tiba'at al-Mushaf al-Sharif.

Abu Nu'aym, Ahmad bin 'Abd Allah al-Isfahani. 1996. *Hilyat al-Awliya wa Tabaqat al-Asfiya*. 11 Vols. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Akub, 'Isa 'Ali. n.d. *Kitab Fihi Ma Fihi: Ahadith Mawlana Jalal al-Din al-Rumi*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mucasir.

Arberry, Arthur John. n.d. *Discourse of Rumi (Or Fihi Ma Fihi)*. Iowa: Omphaloskepsis.

Arnold, Thomas Walker. 2005. *The Spread of Islam in the World: A History of Peaceful Preaching*. New Delhi: Goodword Books.

'Attar, Muhammad bin Ibrahim Farid al-Din. n.d.a. *Tadhkirat al-Awliya*. trans. Muhammad bin Muhammad Shams al-Din al-Asili al-Wastani al-Shafi'i. n.p.: n.p.

'Attar, Muhammad bin Ibrahim Farid al-Din. n.d.b. *Diwan*. n.p.: n.p.

Avery, Kenneth & Alizadeh, Ali. 2007. *Fifty Poems of 'Attar*. Melbourne: re.press.

al-Biqai, Burhan al-Din. 1980M. *Masra' al-Tasawwuf aw Tanbih al-Ghabiyy fi Takfir Ibn 'Arabiyy wa Yalihi Kitab Tahdhir al-Ibad min Ahl al-Inad bi Bid'at al-Ittihad*. Sunt. 'Abd al-Rahman al-Wakil. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Browne, Edward Granville. 1956-1959. *A Literary History of Persia*. 4 Vols. London: Cambridge University Press.

- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'īl. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Damascus: Dar Ibn Kathir.
- Clarke, Henry Wilberforce. 1879. *The Bustan by Shaikh Muslihu-d-Din Sa'di Shirazi*. London: Wm. H. Allen and Co.
- Clarke, Henry Wilberforce. 1891. *The Divan Written in the Fourteenth Century by Khawja Shamsud-Din Muhammad-i-Hafiz-i-Shirazi Otherwise Known as Lisanu-l-Ghaib and Tarjumanu-l-Asrar*. 2 Vols. Calcutta: Government of India Central Printing Office.
- Davie, G.S. 1882. *The Garden of Fragrance: Being A Complete Translation of the Bostan of Sadi from the Original Persian into English Verse*. London: Kegan Paul, Trench & Co.
- Diwan, 'Abd al-Hamid. 2009. *Al-Hallaj bayn al-Tasawwuf wa al-Falsafah: al-Wilayah wa al-Ghiwayah*. Halab: Dar al-Nahj li al-Dirasat wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Edwards, A. Hart. 1911. *The Bustan of Sadi*. The Wisdom of the East Series. London: John Murray.
- Hamzah Fansuri. n.d.a. *Sharab al-'Ashiqin*. MSS. Cod. Or. 2016, Leiden University Library.
- Hamzah Fansuri. n.d.b. *Syair Hamzah Fansuri*. MSS. Cod. Or. 2016, Leiden University Library.
- Hamzah Fansuri. n.d.c. *Syair Hamzah Fansuri*. MSS. Cod. Or. 3372, Leiden University Library.
- Hamzah Fansuri. n.d.d. *Syair Hamzah Fansuri*. MSS. Cod. Or. 3374, Leiden University Library.
- Hamzah Fansuri. n.d.e. *Sharab al-'Ashiqin*. MSS. Cod. Or. 7291 (II), Leiden University Library.
- Hindawi, Muhammad Musa. 1953. *Bustan li Sha'ir al-Insaniyyah Sa'di al-Shirazi: al-Juz' al-Awwal. Silsilah Raww'ic al-Adab al-Farisi*. Cairo: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.
- Ibn 'Arabi, Muhy al-Din Muhammad bin 'Ali. 1999. *Al-Futuh al-Makkiyah*. ed. Ahmad Shams al-Din. 9 Vols. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn 'Arabi, Muhy al-Din Muhammad bin 'Ali. 2005. *Diwan Tarjuman al-Ashwaq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn 'Arabi, Muhy al-Din Muhammad bin 'Ali. 2016. *Fusus al-Hikam*. ed. 'Abd al-Raziq al-Qashani. Cairo: Dar Afaq li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hisham. 1997. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. ed. Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Abyari & 'Abd al-Hafiz Shalabi. 4 Vols. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Shaddad, Baha' al-Din Yusuf bin Rafi'. 1964. *Al-Nawadir al-Sultaniyyah wa al-Mahasin al-Yusufiyyah aw Sirah Salah al-Din*. Cairo: Dar al-Misriyyah li al-Ta'lif.
- Ibrahim al-Dusuqi Shata. 1996-1997. *Mathnawi Mawlana Jalal al-Din al-Rumi*. 6 Vols. Stockholm: Orientalia Bok & Biblioteksservice.
- al-Isfahani, 'Imad al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Hamid. 2004. *Hurub Salah al-Din wa Fath Bayt al-Maqdis wa Huwa al-Kitab al-Musamma al-Fath al-Qussi fi al-Fath al-Qudsi*. Amman: Dar al-Manar.
- Gibb, Hamilton Alexander Rosskeen. 1973. *The Life of Saladin: from the Works of 'Imad ad-Din and Baha' ad-Din*. Oxford: Clarendon Press.
- Lederer, Florence. 1920. *The Secret Rose Garden of Sa'd ud Din Mahmud Shabistari*. The Wisdom of the East Series. London: John Murray.
- Mahfuz-ul-Haq, M. 1998. *Majma'-ul-Bahrain or the Mingling of the Two Oceans by Prince Muhammad Dara Shikuh*. 3<sup>rd</sup> ed. Calcutta: the Asiatic Society.
- Mahmud, 'Abd al-Qadir. 1967. *Al-Falsafah al-Sufiyyah fi al-Islam: Masadiruha wa Nazariyatuha wa Makanuha mi al-Din wa al-Hayah*. Cairo: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Massignon, Louis & Kraus, Paul. 1936. *Akhbar al-Hallaj*. Paris: Au Calame and Larose.
- Muhammad bin al-Munawwar bin Abi Sa'id. 2007. *Asrar al-Tawhid fi Maqamat Abi Sa'id*. trans. Is'ad 'Abd al-Hadi Qandil. Silsilah Mirath al-Tarjamah. Cairo: al-Majlis al-'Ala li al-Thaqafah.
- Nicholson, Reynold Alleyne. 1898. *Selected Poems from the Divani Shamsi Tabriz*. Cambridge: The University Press.
- Nicholson, Reynold Alleyne. 1911. *The Tarjuman al-Ashwaq: A Collection of Mystical Odes by Muhyi'ddin ibn al-'Arabi*. Oriental Translation Fund New Series Vol. XX. London: Royal Asiatic Society.

- Nicholson, Reynold Alleyne. 1925-1940. *The Mathnawi of Jalal'uddin Rumi*. E.J.W. Gibb Memorial Series: New Series IV. 8 Vols. London: Messrs Luzac & Co.
- Robinson, Samuel. 1876. *Flowers Culled from the Gulistan or Rosed Garden and from the Bustan or Pleasure Garden of Sadi*. London: William & Norgate.
- Sana'i Ghaznavi, Abu al-Majd Majdud bin Adam. n.d. *Hadiqat al-Haqiqah wa Shari'at al-Tariqah*. n.p.: n.p.
- Schimmel, Annemarie. 1982. *As Through a Veil: Mystical Poetry in Islam*. New York: Columbia University Press.
- Shabestari, Mahmud. n.d. *Gulshan-i-Raz*. ed. Amir Husayn Khunji. n.p.: n.p.
- al-Shibi, Kamil Mustafa. 1974. *Sharh Diwan al-Hallaj*. Beirut: Maktabah al-Nahdah.
- Stephenson, Major J. 1910. *The First Book of the Hadiqatu' l-Haqiqat or the Enclosed Garden of the Truth of the Hakim Abu' l-Majd Majdud Sana'I of Ghazna*. Calcutta: Baptist Mission Press.
- Surur, Taha 'Abd al-Baqi. 1969. *Al-Husayn bin Mansur al-Hallaj: Shahid al-Tasawwuf al-Islami*. Cairo: Dar Nahdah Misr li al-Tab' wa al-Nashr.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 2001. *Tarikh al-Tabari: Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Thackston Jr., Wheeler McIntosh. 1999. *Signs of the Unseen: The Discourses of Jalaluddin Rumi*. Boston: Shambala Publications, Inc.
- al-Wakil, 'Abd al-Rahman. 1984. *Hadhihi Hiya al-Sufiyyah*. 4<sup>th</sup> ed. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Wakil, 'Abd al-Rahman. 2010. *Majmu'ah Maqalat al-'Allamah 'Abd al-Rahman al-Wakil*. ed. Sha'ban 'Abd al-Majid 'Abbas & Muhammad 'Awd 'Abd al-Ghani al-Misri. Ain Shams, Cairo: Dar Sabil al-Mu'minin li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Whinfield, Edward Henry. 1880. *Gulshan I Raz: The Mystic Rose Garden of Sa'd ud Din Mahmud Shabistari*. London: Trübner & Co.
- Whinfield, Edward Henry. 1898. *Masnawi i Ma'navi: The Spiritual Couplets of Maulana Jalalu-d-din Muhammad Rumi*. Trubner's Oriental Series. 2<sup>nd</sup> ed. London: Kegan Paul, Trench, Tubner & Co. Ltd.
- Wickens, George Michael. 1985. *The Bustan of Sheikh Moslehedin Saadi Shirazi*. 2<sup>nd</sup> ed. Tehran: Iranian National Commission for UNESCO.
- Yousofi, Ghulam Hussayn. 1981. *Bustan-i Sa'di (Sa'di Nameh)*. Tehran: n.p.